PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|---|---|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 23 MARCH 2017 |



**NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan Chung Sye-Kyun ketika mengadakan pertemuan selepas merasmikan Forum Transformasi Global di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA**

UM - 23/3/2017

# Najib terima kunjungan hormat Speaker Parlimen Korea Selatan

**KUALA LUMPUR 22 Mac** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menerima kunjungan hormat daripada Speaker Parlimen Korea Selatan, Chung Sye-kyun di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Kedua-dua pemimpin itu mengambil peluang membincangkan pelbagai isu semasa dalam pertemuan 25 minit itu yang bermula pukul 9.45 pagi.

Terdahulu, Najib menyampaikan ucaptama pada Forum Transformasi Global (GTF) di Dewan Pleno, KLCC.

Sye-kyun yang mengetuai 10 anggota delegasi turut mengadakan kunjungan hormat terhadap Speaker Dewan Negara, Datuk Seri SA Vigneswaran, di Parlimen hari ini. - BERNAMA